

# Perlindungan Data Peribadi dan Polisi Privasi dari Honan Malaysia

## 1 Secara umumnya

- 1.1. Honan Group (Malaysia) Sdn Bhd dan MP Honan Insurance Brokers Sdn Bhd (secara kolektifnya “Honan Malaysia” / “kami” / “kita”) adalah berkomited untuk melindungi privasi dan keperibadian data peribadi anda seperti yang ditetapkan dalam **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010/ Personal Data Protection Act 2010 Malaysia (“PDPA”)**. Perlindungan Data Peribadi dan Polisi Privasi ini (“Polisi”) memaparkan cara dan juga akan membantu anda untuk memahami bagaimana kami mengumpul, mengguna, menzahir dan melindungi data peribadi anda. Ianya juga akan membantu anda untuk membuat keputusan yang termaklum sebelum anda memberikan kepada kami mana-mana data peribadi daripada anda.
- 1.2. Polisi ini akan dipakai terhadap data peribadi yang disimpan atau dikawal oleh kami, termasuk data peribadi yang disimpan oleh organisasi-organisasi lain yang kami telah melantik untuk mengumpul, mengguna, menzahir atau memproses data peribadi untuk tujuan kami.
- 1.3. Para pelanggan (“anda” ataupun “kamu”) perlulah membaca Polisi ini dengan teliti dan merujuk kepadanya apabila diperlukan. Melalui interaksi dengan kami, penyerahan maklumat kepada kami melalui apa mana saluran (termasuk secara atau melalui laman web kami) ataupun melalui pelanggan barangan atau perkhidmatan daripada kami, ada setuju dan memberi persetujuan kepada **Honan Malaysia** dan para wakil, kakitangan dan/atau egen-egennya untuk mengumpul, mengguna, menzahir dan berkongsi antara satu sama lain data peribadi anda, dan menzahirkan data peribadi berikut kepada pembekal perkhidmatan dan pihak ketiga yang berkaitan dengan kaedah-kaedah yang terdapat dalam Polisi ini.

## 2 Seperti yang digunakan dalam Polisi ini

- 2.1. “pelanggan” ertinya seseorang individu yang (a) telah menghubungi kami melalui mana-mana kaedah under mengetahui lebih mengenai barangan dan perkhidmatan kami, atau (b) yang mungkin ataupun telah memasuki sesuatu perjanjian kontrak dengan kami untuk pembekalan barangan ataupun perkhidmatan daripada kami; dan
- 2.2. “data peribadi” ertinya apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yang—
  - a) sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu;
  - b) direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan itu; atau
  - c) direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan,

yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang subjek data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang pengguna data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat

yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;

Tambahan pula, “data peribadi sensitif” ertinya apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengatahan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri yang berkaitan melalui perintah yang disiarkan dalam Warta;

- 2.3. Bergantung dengan ciri-ciri interaksi dengan kami, antara contoh data peribadi yang mungkin dikumpul termasuk nama, nombor pengenalan (seperti NRIC, permit kerja, pasport, sijil lahir, atau nombor pengenalan daripada pihak kerajaan), alamat rumah, emel, nombor telefon, kenegaraan, jantina, tarikh lahir, status perkahwinan, rekod kesihatan, akaun bank/ maklumat bayaran dan maklumat pekerjaan.
- 2.4. Terma-terma lain yang digunakan dalam Polisi ini akan mempunyai erti yang sama sepertimana yang terdapat dalam **PDPA** (dimana konteksnya membenarkan sebegitu).

### 3 Pengumpulan, penggunaan dan penzahiran data peribadi

3.1 **Honan Malaysia** akan melindungi data peribadi setiap individu dengan:

- a) Pengumpulan maklumat secara ikhlas dan hanya mengumpulkan maklumat yang kami perlu untuk membekalkan perkhidmatan insurans;
- b) Memberi keterangan mengapa kami sedang mengumpulkan data peribadi dan bagaimana kami akan menggunakannya;
- c) Menggunakan data peribadi untuk operasi bisnes dan untuk mematuhi undang-undang sahaja;
- d) Memastikan data peribadi yang kami kumpul dan simpan adalah tepat;
- e) Menyimpan data peribadi untuk jangka masa yang diperlukan sahaja dan memastikan ianya selamat;
- f) Berkongsi data peribadi dengan syarikat-syarikat dan organisasi-organisasi yang akan memastikan ianya selamat;
- g) Tidak menghantar data peribadi ke luar negara tanpa memastikan keselamatannya,
- h) Memastikan bahawa semua hak-hak individu boleh dikuat kuasa di bawah perundangan perlindungan data; dan
- i) Memastikan kami mematuhi polisi privasi Honan Group, di mana kami merupakan ahli.

3.2 Secara amnya, kami tidak mengumpul dan memproses data peribadi anda kecuali

- a) ianya telah diberikan secara sukarela dari anda dan secara langsung, melalui interaksi melalui Laman Web kami, hubungan dengan kakitangan kami ataupun pihak berkaitan, dan/ atau sesiapa yang menghubungi kami mengenai barangan dan perkhidmatan kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada acara-acara, notifikasi kemas kini, dan/atau promosi oleh kami) di mana apa-apa perbualan mungkin akan dirakam untuk pengumpulan data peribadi sekiranya dibuat melalui telefon; atau
- b) pengumpulan dan pemprosesan data peribadi tanpa persetujuan dibuat sekiranya ianya dibenarkan ataupun diperlukan oleh **PDPA** ataupun perundangan yang lain.

Kami akan mendapatkan persetujuan anda sebelum mengumpul data peribadi tambahan dan sebelum pemprosesan data peribadi untuk maksud yang belum dinyatakan kepada anda (kecuali di mana ianya dibenarkan oleh perundangan).

- 3.2 Anda mempunyai pilihan mengenai pengumpulan, pemrosesan, atau penzahiran data peribadi anda. Sekiranya anda memilih untuk tidak membekalkan data peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini, kami mungkin tidak boleh membekalkan perkhidmatan/produk kepada anda. Anda mempunyai hak untuk menghalang pemrosesan data peribadi anda dan sama ada menarik balik atau mengehend persetujuan anda melalui kaedah yang dinyatakan dalam klausa 9.
- 3.3 Data peribadi yang dikumpul hanya boleh digunakan apabila ianya di bawah skop yang diperlukan untuk mencapai Maksud-Maksud yang dinyatakan di bawah. Sekiranya terdapatnya peristiwa yang jarang berlaku atau dimana ianya tidak boleh dijangkakan, kami akan mendapatkan persetujuan pelanggan terlebih dahulu, kecuali sekiranya salah satu daripada keadaan di bawah telah berlaku:
- a) pencegahan atau pengesanan jenayah atau ancaman kehidupan atau kesihatan;
  - b) penangkapan atau pendakwaan pesalah dari segi undang-undang;
  - c) penilaian atau pemantauan cukai atau pengenaan dimana jenisnya serupa;
  - d) garis panduan ataupun arahan lain yang telah dikeluarkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab terhadap perlindungan data peribadi ataupun mana mana pihak berkuasa atau kerajaan yang bertanggungjawab;
  - e) untuk mematuhi keperluan undang-undang yang merangkumi kami atau dikenakan terhadap kami;
  - f) untuk melindungi kepentingan vital anda;
  - g) untuk pentadbiran keadilan ; atau
  - h) bagi menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh atau di bawah mana-mana undang-undang.
- 3.4 Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga kepada kami, anda kini membuat representasi dan mengangkur bahawa anda telah memperolehi persetujuan pihak yang diinsurankan yang didaftar oleh anda, kecuali kepada mana apa tahap persetujuan itu tidak diperlukan bawah segi undang-undang:
- a) untuk mengumpulkan data peribadi mereka;
  - b) untuk menzahirkan data peribadi mereka kepada kami; dan
  - c) untuk kami dan pihak ketiga untuk menggunakan mana-mana data peribadi tersebut demi Maksud-Maksud yang dinyatakan di sini.

Kami tidak akan dengan sengajanya meminta atau mengumpul data peribadi daripada mana-mana orang di bawah umur lapan belas (18) tahun. Sekiranya kami dengan tidak sengaja, telah mengumpul data peribadi daripada individu di bawah umur lapan belas (18) tahun, kami dengan serta merta akan memadamkan data peribadi tersebut. Namun demikian, kami mungkin akan mengumpul dan memproses data peribadi individu di bawah umur lapan belas (18) tahun sekiranya pelanggan berkaitan merupakan ibu bapa, penanggung atau penjaga sah telah memberikan persetujuan untuk pemrosesan tersebut. Kami mungkin perlu mengumpul dan memproses data peribadi pelanggan tersebut.

- 3.5 Kami mungkin akan mengumpulkan dan memproses data peribadi anda berdasarkan mana-mana ataupun kesemua maksud-maksud yang dinyatakan di bawah:
- a) pengendalian bisnes insurans/ takaful, seperti yang diaturkan di bawah perundangan yang relaven;
  - b) pelaksanaan obligasi kamu termasuk perkhidmatan pelanggan, pengendalian aduan, perlindungan, termasuk mana-mana perkhidmatan tambah nilai yang mungkin berkaitan tetapi tidak berkaitan secara langsung, kepada sesuatu perjanjian kontrak, dimana perjanjian itu akan merangkumi tetapi tidak terhad kepada insurans hidup,

insurans am, takaful keluarga, takaful am, insurans/takaful perubatan, polisi insurans secara kumpulan ataupun takaful secara kumpulan, kontrak egen, urusan pembrokeran, dan kontrak pekerjaan;

- c) siasatan semasa pengunderaitan dan penilaian tuntutan atau pada bila-bila masa dengan serentak bersama polisi insurans/sijil takaful yang diperlukan dan munasabah untuk mengenal pasti kemungkinan pendedahan maklumat material dalam sesuatu frod insurans/takaful atau tuntutan berkomplot, termasuk tetapi tidak terhad kepada maksud terhadap insurans perubatan/kesihatan/nyawa, permohonan dan pengesahan maklumat oleh seseorang pakar perubatan, hospital, pusat perubatan ataupun mana-mana pihak (sama ada ianya diperbadankan ataupun tidak) yang telah mengedalikan pelanggan atau mempunyai rekod tentang kesihatan pelanggan; maksud untuk insurans kenderaan, permohonan dan pengesahan maklumat dengan mana-mana syarikat kenderaan, bengkel, atau mana-mana pihak (sama ada ianya diperbadankan ataupun tidak), yang telah mengedalikan pelanggan ataupun mempunyai rekod terhadap kenderaan yang dipunyai oleh pelanggan; dan kepada kami dan/atau pemproses data yang relaven yang mungkin menyimpan rekod tersebut untuk pengunderaitan dan penilaian tuntutan yang berkemungkinan pada masa depan.
- d) penggunaan hak untuk subrogasi/pemulihan;
- e) untuk maksud untuk pengelakkan, siasatan, pelaporan, ataupun sebaliknya berkaitan dengan pengubahan wang (money laundering), pembiayaan pengganas, rasuah, frod yang benar ataupun yang disyaki termasuk tetapi tidak terhad kepada frod insurans/takaful, pengelakan cukai, pengelakan sekatan ekonomi atau dagangan, dan aktiviti jenayah secara amnya ataupun mana-mana aktiviti lain yang melanggar undang-undang;  
pematuhan dengan keperluan dari mana-mana undang-undang, perundangan atau garis panduan, mana-mana obligasi dalam perjanjian kontrak mengenai mana-mana pihak perundangan, badan kawal selia, badan kehakiman, badan administratif, badan awam atau badan penguatkuasa, sama ada di Malaysia ataupun luar negara, yang mungkin diterbit oleh badan kawal selia ataupun mana-mana pihak penguatkuasa di mana kami atau ahli Kumpulan Honan Group yang lain perlu atau patut mematuhi, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana persoalan, siasatan, penzahiran atau pelaporan keperluan dan/atau pemenuhan obligasi sempena undang-undang, perundangan, garis panduan, dan/atau pihak penguatkuasa yang relaven.
- f) bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi, Bank Negara ataupun dengan mana-mana badan penguatkuasa yang berkaitan untuk melangsungkan audit, pemeriksaan atau siasatan yang telah dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan atau perjanjian antarabangsa yang melibati syarikat insurans atau pengendali insurans, sama ada ianya secara langsung ataupun melalui Honan Group di mana kami merupakan ahli;
- g) pemasaran (termasuk pemasaran langsung) kepada mana-mana pelanggan insurans atau takaful, sekiranya pelanggan tersebut belum memberikan kami notis bertulis berdasarkan Seksyen 43 di bawah PDPA mengenai pemasaran langsung, untuk memberhentikan pemprosesan data peribadi untuk pemasaran langsung;
- h) untuk mengecamkan data peribadi yang disimpan berkaitan dengan seseorang pelanggan untuk maksud-maksud yang dinyatakan dalam perenggan ini, terutamanya tetapi tidak terhad kepada apa yang dinyatakan dalam perenggan kecil (e),(f), dan (g) di atas;
- i) penyelidikan, audit dan penilaian risiko/tinjauan, termasuk selidik statistik/aktuari atau analisis/selidik data. Sekiranya data tersebut diperlukan untuk maksud ini, data peribadi pelanggan tidak akan diterbit, dan hanya nombor, statistik dan maklumat am yang dijumpai dalam penilaian/penyelidik akan diterbit;

- j) pelaksanaan obligasi di bawah mana-mana skim undang-undang mengenai pemindahan perniagaan ;
- k) bekerjasama atau memberi sokongan dalam siasatan yang dijalankan oleh syarikat atau pengendali insurans yang lain, atau mana-mana persatuan perdagangan yang relaven;
- l) mengendalikan siasatan terhadap mana-mana pihak perantara insurans/takaful dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga mereka untuk mana-mana dakwaan terhadap frod, komplot, pelanggaran undang-undang, peraturan dan perundangan, kod amalan, salah laku atau kelakuan atau amalan yang tidak beretika;
- m) untuk menjalankan insurans semula/takaful semula;
- n) berkongsi maklumat dengan persatuan perdagangan yang relaven dan mana-mana sistem kongsi maklumat; dan/atau
- o) semua operasi pemprosesan yang lain yang relaven terhadap pembekalan barangan dan/atau perkhidmatan kami.

(secara kolektif, "Maksud-Maksud tersebut")

3.6. Kami mungkin akan menzahirkan data peribadi anda demi operasi bisnes kami dan untuk melaksanakan salah satu Maksud ataupun Maksud-Maksud yang dinyatakan dalam klausa 3.5, di mana kami mungkin akan menzahir data peribadi kepada pihak ketiga yang mungkin diinduk di dalam atau di luar Malaysia. Ini termasuk:

- a) syarikat bersekutu atau berkaitan di bawah Honan Group (secara kolektifnya, "Kumpulan Syarikat")
- b) apabila ianya diperlukan untuk melaksanakan obligasi semasa pelaksanaan perkhidmatan ataupun apabila ianya berkaitan dengan pembekalan perkhidmatan yang dipohon oleh anda; dan
- c) kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga, egen (termasuk tetapi tidak terhad kepada firma guaman, syarikat insurans semula atau syarikat insurans yang lain/penasihat dan pakar runding/penilai risiko, pihak insuran semula, penyelaras tuntutan) dan mana-mana organisasi yang lain seperti pihak bersekutu yang kami telah lantik untuk melaksanakan fungsi-fungsi di bawah maksud-maksud ternyata di atas.

3.7 Sila ambil perhatian bahawa setelah persetujuan anda telah diberikan di bawah Polisi ini, anda juga telah memberikan persetujuan yang tulus dan sukerala untuk kami memproses data peribadi sensitif anda. Sekiranya persetujuan tidak diberikan ataupun kemudiannya ditarik balik, sila ambil perhatian bahawa kami merizabkan hak untuk memproses data peribadi sensitif berdasarkan keadaan-keadaan yang dinyatakan tanpa persetujuan anda:

- a) untuk pelaksanaan atau tuntutan mengenai hak-hak atau obligasi di bawah undang-undang mengenai seseorang individu mengenai pekerjaan;
- b) untuk melindungi hak-hak asasi seseorang individu apabila keterangan yang tulus tidak boleh diberikan oleh individu tersebut atau wakilnya, atau ianya mustahil untuk mendapatkan kebenaran yang diperlukan melalui langkah-langkah yang biasa dan munasabah;
- c) untuk melindungi hak-hak asasi seseorang individu ataupun orang lain, di mana kebenaran oleh individu tersebut ataupun wakilnya, dengan sengaja, tidak diberikan;
- d) untuk sebab medikal- di bawah kawalan seseorang pakar medikal ataupun mana-mana pihak yang mempunyai tanggungjawab kerahsiaan sama dengan pakar medikal;
- e) untuk apa-apa tindakan undang-undang yang relevan dan mendapatkan nasihat guaman;
- f) untuk mendapatkan, menanggung atau melindungi hak-hak dari segi undang-undang;

- g) untuk melaksanakan apa-apa fungsi oleh seseorang individu atau dari segi undang-undang;
- h) sebab-sebab lain yang disangka oleh Kementerian tersebut; atau
- i) maklumat yang mempunyai data peribadi di mana ianya diketahui oleh khalayak ramai disebabkan oleh tindakan seseorang individu dan atas keadaan sebegini, kami tidak diperlukan untuk mendapatkan apa-apa persetujuan terhadap data peribadi tersebut.

3.8 Kami mungkin akan meminda Maksud-Maksud yang dinyatakan di atas sekiranya adanya keperluan yang munasabah dan relevan untuk memenuhi tujuan penggunaan yang asal. Untuk keadaan sebegini, kami akan memaklumkan pelanggan yang terbabit terlebih dahulu dan mendapatkan persetujuan setiap pelanggan mengenai pemindaan berkenaan dengan penggunaan data peribadi melalui laman web kami ataupun melalui platform lain seperti emel atau surat-menyurat.

## 4 Ketepatan data peribadi

4.1 Kami melakukan segala usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi anda adalah tepat dan lengkap. Kami secara amnya, bergantung pada data peribadi yang anda berikan (atau dari wakil anda yang diberi kuasa).

4.2 Untuk memastikan kami memperolehi data peribadi yang tepat, anda mesti kemas kini data peribadi yang diperolehi oleh kami dan apabila diperlukan jika terdapat sebarang perubahan pada data peribadi anda, tepat pada masanya.

4.3 Jika anda gagal untuk berbuat demikian, kami tidak akan menanggung sebarang tanggungjawab apabila kami menggunakan data peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap dan di mananya anda tidak memaklumkan kami mengenai apa-apa pemindaan yang diperlukan.

## 5 Pelindungan data peribadi

5.1 Untuk melindungi data peribadi anda daripada akses, pengumpulan, penggunaan, penzahiran, penyalinan, modifikasi, kebocoran, kehilangan, kerosakan dan pelupusan yang tidak dibenarkan ataupun risiko-risiko yang serumpama, kami telah memperkenalkan tindakan administratif, fizikal, dan teknikal yang munasabah seperti pelindungan antivirus, enkripsi, dan penzahiran data peribadi secara dalaman dan kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga dan egen-egen atas syarat bahawa ianya diperlukan sahaja.

5.2 Sila ambil maklum bahawa, tiadanya kaedah penghantaran melalui web yang terjaminnya selamat. Justeru itu, walaupun keselamatan tidak boleh dijamin, kami akan berusaha untuk melindungi keselamatan maklumat dari anda dan kami akan dengan kerapnya membuat semakan dan menambah baik langkah-langkah keselamatan maklumat kami.

## 6 Penyimpanan data peribadi

6.1 Kami menggunakan langkah-langkah yang munasabah dari segi komersial supaya data peribadi anda yang disimpan oleh kami boleh dipadamkan dan/atau ditanpanamakan secepat di mana ianya munasabah apabila:

- a) Maksud yang merupakan dasar di mana data peribadi telah dikumpul kini tidak perlu dipertimbangkan; atau

- b) penyimpanan adalah tidak perlu untuk mana-mana tujuan undang-undang atau bisnes, termasuk kepatuhan terhadap PDPA.

## 7 Pemindahan data peribadi

- 7.1 Secara amnya, semua data peribadi akan diproses oleh kami di Malaysia. Namun untuk situasi tertentu, kami mungkin akan memindah data peribadi anda kepada pihak ketiga tempatan ataupun luar negara Malaysia untuk Maksud-Maksud di atas, seperti ahli Kumpulan Syarikat, pembekal perkhidmatan pihak ketiga, agen dan/atau persekutuan kami yang dilantik untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang merujuk kepada Maksud-Maksud di atas dan pihak kerajaan/berkuasa, mahkamah dan/atau forum penyelesaian pertikaian yang mempunyai bidang kuasa terhadap kami ataupun Kumpulan Syarikat. Melalui persetujuan untuk memproses data peribadi anda, anda juga bersetuju untuk kami memindah dan menyimpan data peribadi tersebut dengan pihak ketiga yang dinyatakan, yang mungkin diinduk di luar negara Malaysia.
- 7.2 Sekiranya data peribadi anda akan dipindah keluar dari **Malaysia**, kami akan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk memastikan bahawa pihak penerima data peribadi tersebut mempunyai tahap perlindungan yang sekurang-kurangnya setanding dengan perlindungan yang dinyatakan dalam **PDPA**.

## 8 Akses dan pembetulan data peribadi

- 8.1 Sekiranya anda ingin untuk membuat (a) suatu permohonan akses untuk mengaksesskan salinan data peribadi anda yang disimpan oleh kami ataupun maklumat mengenai cara-cara di mana kami mungkin akan menzahirkan data peribadi anda, atau (b) untuk permohonan pembetulan untuk membetulkan atau mengemas kini mana-mana data peribadi anda yang disimpan oleh kami, anda boleh menghantarkan permohonan anda secara surat-menyurat ataupun melalui emel kepada Pegawai Pelindungan Data/ Data Protection Officer kami, melalui maklumat hubungan di bawah.
- 8.2 Kami akan berusaha untuk membekalkan maklumat yang relevan dalam jangka masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan permohonan anda. Sekiranya kami tidak dapat membalas permohonan anda, kami akan memberikan anda notifikasi sebelum pelupusan jangka masa dua puluh satu (21) hari tersebut, mengenai masa yang terdekat untuk kami membekalkan anda maklumat tersebut.
- 8.3 Kami akan mengenakan anda dengan pembayaran fi yang berpatutan untuk pemrosesan permohonan anda. Bergantung kepada ciri-ciri dan kerumitan permohonan anda, kami akan memaparkan buritan fi yang patut dibayar, sebelum membekalkan anda dengan maklumat yang dipohon. Kami tidak akan membalas kepada permohonan anda melainkan anda bersetuju untuk membayar fi tersebut.
- 8.4 Sekiranya terdapatnya suatu pembetulan, kami akan membetulkan data peribadi anda dalam jangka masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan permohonan pembetulan yang sah. Sekiranya kami tidak dapat membetulkan rekod kami dalam jangka masa dua puluh satu (21) hari yang dinyatakan, kami akan memaklumkan anda mengenai masa yang tercepat kami boleh membuat pembetulan tersebut.
- 8.5 Sekiranya kami tidak memberi balasan setelah jangka masa dua puluh satu (21) hari telah luput, anda berhak untuk mendapatkan permohonan anda (sama ada untuk akses atau

pembetulan) untuk dipatuhi dengan sepenuhnya dalam jangka masa empat belas (14) hari, dari tarikh pelupusan jangka masa dua puluh satu (21) hari yang dinyatakan.

- 8.6 Sila ambil maklum bahawa **PDPA** mempunyai pengecualian untuk jenis data peribadi yang tertentu. Ianya juga menyatakan bahawa terdapatnya situasi di mana pembetulan tidak boleh dilaksanakan meskipun permohonan telah dibuat oleh anda.

## 9 Menarik balik/ mengehad persetujuan anda.

- 9.1 Persetujuan anda untuk pengumpulan, penggunaan dan penzahiran untuk data peribadi anda akan kekal sah sehingga ianya ditarik balik ataupun dihadkan oleh anda secara tulisan. Anda mungkin boleh menarik balik atau mengehad persetujuan anda dan juga memohon kepada kami untuk memberhentikan pengumpulan, pemprosesan, dan/atau penzahiran data peribadi anda untuk mana-mana Maksud-maksud di atas melalui permohonan bertulis atau emel kepada Pegawai Data Peribadi kami melalui maklumat hubungan di bawah.
- 9.2 Apabila permohonan bertulis anda untuk menarik balik atau mengehadkan persetujuan diterima, kami mungkin memerlukan jangka masa yang berpatutan (bergantung kepada kerumitan permohonan tersebut dan kesannya terhadap hubungan kami dengan anda) untuk memproses permohonan anda dan untuk kami memaklumkan mengenai kesan-kesan terhadap kami, termasuk akibat-akibat dari segi undang-undang yang boleh memberi kesan kepada hak-hak anda dan liabiliti terhadap kami.
- 9.3 Walaupun kami akan menghormati keputusan anda untuk menarik balik atau mengehad persetujuan anda, sila ambil maklum bahawa bergantung kepada ciri-ciri dan skop permohonan anda, kami mungkin tidak boleh meneruskan pembekalan barangan dan perkhidmatan kami dan oleh itu, akan memberitahu anda mengenai kesan-kesan tersebut sebelum anda melengkapkan permohonan anda. Sekiranya anda ingin membatalkan permohonan untuk menarik balik atau mengehad persetujuan anda, sila memaklumkan kami melalui kaedah yang dinyatakan dalam klausa **9.1** di atas.

## 10 Cookies

- 10.1 Sekiranya anda berinteraksi dengan kami melalui laman web kami, kami mungkin akan menerima dan menyimpan maklumat melalui "cookies". "Cookies" merupakan fail teks yang kecil yang diletakkan dalam komputer anda atau peralatan elektronik melalui laman web kami.
- 10.2 Melalui "cookies", kami boleh mengumpul dan membuat analisis terhadap data yang bukan peribadi seperti alamat IP, jenis pelayar web, nama domain, masa akses, laman yang telah dilayar, masa dalam setiap laman web, pemantauan laluan web, pengalaman pengguna, prestasi laman web dan juga untuk mengingati kepentingan anda.
- 10.3 Sekiranya kami telah mengumpul data peribadi melalui "cookies" kami akan memaklumkan anda mengenainya.
- 10.4 Anda boleh mematikan "cookies" melalui perubahan tetapan pelayar web anda. Namun, sekiranya ianya dilakukan, anda tidak mungkin akan menggunakan perkhidmatan kami, melaksanakan pembayaran, atau melayar bahagian-bahagian laman web yang tertentu.
- 10.5 Apabila anda menggunakan laman web kami, ianya dianggap bahawa anda juga telah memberikan persetujuan anda terhadap penggunaan "cookies".



## 11 Laman web pihak ketiga

- 11.1 Laman web kami mungkin mempunyai pautan untuk laman web yang dioperasi oleh pihak ketiga. Kami tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab terhadap kaedah perlindungan data laman web pihak ketiga tersebut walaupun laman web tersebut mungkin dibawah jenama yang sama dengan kami melalui logo atau tanda dagangan kami.

## 12 Pegawai Pelindungan Data

- 12.1 Anda boleh menghubungi Pegawai Pelindungan Data kami sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai polisi dan kaedah mengenai perlindungan data, atau sekiranya anda mempunyai sesuatu permohonan, melalui maklumat di bawah:

Personal Data Protection Officer  
Suite 8.01-8.02, Level 8  
The Gardens North Tower, Mid Valley City,  
Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur  
Email: [DPO@Honan.com.sg](mailto:DPO@Honan.com.sg)

## 13 Kesan Polisi ini dan pemindaan terhadap Polisi ini.

- 13.1 Polisi ini adalah terpakai bersama notis-notis lain, klausa perjanjian kontrak, dan klausa-klausa persetujuan yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penzahiran data peribadi anda oleh kami.
- 13.2 Meskipun dengan apa yang dinyatakan di atas, kami akan pada masa ke semasa, mengemaskini Polisi ini tanpa makluman supaya Polisi ini adalah setaraf dengan perkembangan kami, tren industri, dan/atau pemindaan dalam segi undang-undang atau keperluan perundangan. Sebagaimana hak anda tertakluk dari segi undang-undang, anda bersetuju untuk mengikuti klausa-klausa dalam Polisi ini yang akan dikemas kini dari masa ke semasa. Sila rujuk kepadanya sekerapnya boleh untuk maklumat yang terbaru mengenai pengendalian data peribadi anda.

Tarikh kuat kuasa: 1 Ogos 2023

Tarikh kemas kini: 1 Ogos 2023